

**Hasan Tiada Masalah Sebagai ADUN Bebas Di Selangor**  
**Bernama**  
**19 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 19 Mac (Bernama) -- Bekas anggota exco Selangor, Datuk Dr Hasan Mohamed Ali memulakan peranan baru dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai anggota bebas dan menurut beliau tiada masalah baginya berbahas sebagai anggota bebas dalam persidangan kali ini.

"Tak ada masalah sebagai ADUN bebas...saya dipecat daripada menjadi ahli PAS dan digugurkan daripada barisan exco.

"Saya rasa bermaruah (menjadi Adun Bebas)...saya bukan rasuah saya tak liwat, saya bukannya melakukan benda-benda yang dilarang oleh Islam," katanya kepada pemberita selepas upacara perasmian Sidang DUN Selangor ke 12 oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di sini Isnin.

Dalam sidang DUN kali ini Hasan duduk di belakang barisan pembangkang DUN Selangor iaitu, Barisan Nasional. Tempat lama beliau kini diduduki oleh Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad yang juga Timbalan Pesuruhjaya I PAS Selangor.

Hasan berkata pada persidangan kali ini beliau tetap akan mengengahkan agenda Islam, Melayu dan institusi Raja (IMR) dalam perspektif masyarakat berbilang kaum.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653323>